

31
DATE: 31/07/2007

BERITA HARIAN

Sambutan ulang tahun merdeka setahun

BH-31/7/2007

KUALA LUMPUR: Sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara akan dirayakan selama setahun dalam usaha menyemarakkan lagi sambutan itu di seluruh Malaysia, bermula pada 10 September ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata perayaan itu yang dijadualkan berakhir pada 31 Ogos tahun depan, dijangka dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Kuching.

"Program satu tahun sambutan merdeka ini adalah bagi menyemarakkan lagi sambutan di seluruh negara dengan Timbalan Perdana Menteri sendiri akan mengetuai perayaan itu di Kuching pada 10 September ini," katanya selepas merasmikan bangunan baru Balai Seni Lukis Negara serta melancarkan duit syiling peringatan sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara dan sebuah buku berjudul 'Buku Merdeka: Obor Suatu Perjuangan,' di sini, semalam.

Rais berkata berikutan kepu-

tusan itu, beliau meminta semua pihak terbabit termasuk kerajaan negeri menyusun semula program sambutan ulang tahun ke-50 negara bagi tempoh itu dan tidak melonggokkan semua acara pada Ogos ini.

Katanya, ini penting bagi memastikan sambutan berterusan dapat diadakan selama setahun sama ada pada peringkat negeri atau kebangsaan dan tidak berhenti setakat 31 Ogos ini atau penghujung tahun.

"Kita minta mana-mana program yang dirancang sepanjang tempoh itu, dijangkan satu persatu ke tarikh sesuai sehingga memberikan taburan sesuai, agar masyarakat seluruh negara dapat menyambutnya bersama," katanya.

Pelancaran acara bulan kemerdekaan negara akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Melaka pada 17 Ogos ini dengan program pengibaran Jalur Gemilang.

Dalam pada itu, Rais meminta semua pemilik bangunan di seluruh negara mengibarkan Jalur Gemilang.